



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM SEDIAKAN 2,000 PELUANG PERNIAGAAN DAN PEKERJAAN KEPADA WANITA

**PUNCAK ALAM, 2 November** – Dijangkakan seramai 2,000 orang wanita mampu menjana pendapatan melalui usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menghubungkan peluang pekerjaan kepada wanita serta mendekatkan mereka kepada platform dan peluang perniagaan atau keusahawanan di bawah Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM. Golongan yang disasarkan adalah wanita dalam kalangan suri rumah, B40, M40 dan wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah termasuk ibu tunggal yang terkesan akibat situasi pandemik COVID-19.

Menurut YB Datuk Seri Rina Mohd. Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **pelaksanaan Inisiatif Wanita Bangkit** dapat **membantu wanita mencari jalan keluar daripada kesempitan hidup dan bangkit untuk maju** dalam membantu keluarga meningkatkan taraf ekonomi.

Dua (2) kaedah pelaksanaan utama difokuskan dalam usaha ini iaitu inisiatif penjanaan pendapatan melalui **sektor formal dan sektor informal**. Melalui sektor formal peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak industri dan syarikat swasta akan dikumpulkan dan ditawarkan kepada wanita berminat melalui karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama pihak PERKESO. Manakala melalui sektor informal pula wanita yang berminat akan dihubungkan kepada platform dan peluang perniagaan dan keusahawanan sama ada melalui agensi kerajaan, swasta dan

juga pihak industri di mana wanita berpeluang menjadi pemilik perniagaan sendiri, menjadi agen, stokis mahupun agen *dropship*.

Antara agensi dan syarikat yang bersama-sama menjayakan **INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM** ialah JPW, LPPKN, YKN, TalentCorp Malaysia, PERKESO, HEYHO Sdn. Bhd, DSAB Holdings Sdn. Bhd, UniKL Resources Sdn, Bhd. Leong Hup International Berhad, Syukor Dagang Sdn. Bhd. dan RichWorks International Sdn. Bhd.

YB Datuk Seri Rina ketika ditemui semasa Majlis Kolaborasi Bersama Rakan Strategik Wanita Bangkit@KPWKM bertempat di Syukor Burger Selangor HQ, Puncak Alam, berharap peluang yang diberikan melalui inisiatif ini dapat direbut dan digunakan sepenuhnya oleh wanita di luar sana dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Sehingga 31 Oktober 2021, seramai 1,744 wanita mendapat peluang pekerjaan dan penjanaaan pendapatan di bawah inisiatif ini.

Di bawah inisiatif ini, satu *microsite* diwujudkan di alamat <https://www.kpwkm.gov.my/WanitaBangkit> yang mengandungi maklumat agensi serta syarikat yang menawarkan peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan. Wanita yang berminat boleh melayari *microsite* ini untuk mendapatkan maklumat serta mendaftar untuk membina kerjaya atau menceburi bidang perniagaan mengikut minat masing-masing.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Jabatan Pembangunan Wanita  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 2 November 2021